

24 JUN 2000

MTUC-Gaji

MTUC MINTA MEF KIRA BELANJAWAN KELUARGA SEBELUM TOLAK GAJI MINIMUM

PETALING JAYA, 24 Jun (Bernama) -- Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) perlu membuat perkiraan belanjawan kasar ke atas perbelanjaan yang diperlukan oleh sebuah keluarga sederhana sebelum menolak cadangan pemberian gaji minimum RM900 kepada pekerja.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Senator Zainal Rampak berkata perkiraan itu perlu meliputi bayaran rumah sewa, makanan, perubatan, pengangkutan, persekolahan anak-anak, pakaian, air, elektrik dan telefon daripada gaji asas yang diterima oleh seorang pekerja.

"Saya mahu MEF jalankannya. Tak payah nak campur dengan bayaran kerja lebih masa atau elaun sampingan atau faktor luar atau dalam bandar. Hanya jumlahkannya dan lihat banyak mana ia bebankan mereka (pekerja) daripada gaji itu sahaja," katanya pada persidangan media di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Presiden MEF Md Jafar Abdul Carrim yang disiarkan akhbar tempatan hari ini yang menentang pelaksanaan gaji minimum yang dicadangkan oleh MTUC sebaliknya mahu gaji diberi berlandaskan produktiviti.

Jafar juga dipetik sebagai berkata bahawa dasar gaji minimum kebangsaan adalah tidak praktikal atau sesuai dilaksanakan di Malaysia dan sebaiknya biarlah peringkat industri dan perusahaan memutuskannya.

Zainal berkata MEF tidak sepatutnya hanya pandai memberi alasan tanpa melihat kepada keperluan sebenar sesebuah keluarga.

Menurutnya, gaji yang baik tentu dapat meningkatkan produktiviti kerana pekerja akan bekerja lebih kuat dan bersedia menyumbang tenaga demi kemajuan syarikat.

"Daripada satu sudut lain, MEF juga perlu sedar bahawa produktiviti pekerja di negara ini adalah jauh lebih tinggi berbanding pekerja-pekerja di negara lain," katanya.

Malah, dalam satu simposium pekerja yang dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jepun tidak lama dulu, pelabur-pelabur Jepun turut mengakui bahawa pekerja Malaysia merupakan pekerja yang mempunyai tahap produktiviti yang kedua tinggi selepas Jepun di rantau Asia Pasifik, katanya.

"Selama mana MEF nak tolak hakikat bahawa tuntutan ini adalah satu tuntutan yang adil? Negara kita dah 47 tahun merdeka tapi pihak majikan masih bayar gaji minimum sesuka hati. Mereka tak pernah serius untuk buat keputusan bersama," katanya.

Beliau berkata MTUC akan menghantar satu memorandum mengenai perundangan gaji minimum itu kepada Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn Isnin ini.

"Semasa pertemuan dengan Menteri itu nanti, kita juga akan mencadangkan supaya Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan serta MEF dipanggil untuk bersemuka dan berbincang mengenai perkara ini," katanya.

-- BERNAMA

NHA RHM